CNS0164
R GB 29-05 00176 RH047
aah
Mahathir - Asean (EMBARGO: Untuk siaran selepas pukul 10.30 malam ini)

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean dan sekretariatnya perlu diperkukuhkan kerana hanya organisasi serantau yang kukuh dapat menawarkan peraturan yang paling berwibawa untuk melindungi kepentingan mereka.

Katanya hanya sebuah organisasi serantau yang kukuh dapat melindungi kepentingan mereka dalam dunia hari ini di mana negara-negara kecil akan mendapati sukar untuk hidup dalam politik antarabangsa yang penuh kepincangan.

Lima orang terkemuka yang dipilih khas untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan khusus bagi memperkukuhkan Asean, akan dibentangkan tidak lama lagi bagi pertimbangan semua negara anggota, katanya pada majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Thai Dr Anand Panyarachun di Seri Perdana di sini malam ini.

Beliau berharap Perdana Menteri Thai itu dapat memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha ke arah tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau amat gembira dengan persetujuan anggota-anggota Asean untuk mengkaji dan menyediakan butir-butir konsep bagi pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG). -- lagi

♥29/05/22-19MST

CNS0171
U GB 29-05 00135 RH049
aah
Mahathir - Asean 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau bangga dengan tahap kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial yang wujud di antara kedua-dua negara dan berazam untuk mengukuhkan lagi kerjasama itu dengan menghapus sebarang halangan yang mungkin masih ada.

+Mekanisme yang perlu sudahpun wujud dalam bentuk suruhanjaya bersama dan beberapa jawatankuasa yang berfungsi,+ tambah beliau.

Sementara itu, Perdana Menteri Thai itu berkata Malaysia, sebagai Pengerusi jawatankuasa tetap Asean sekarang telah memainkan peranan konstruktif dan penting dalam mencari jalan baru bagi kerjasama Asean, terutama ketika perubahan banyak berlaku di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dr Anand berkata pelbagai idea dan cadangan Malaysia telah memberi arah baru bagi masa depan Asean dan ini sangat dihargai oleh Thailand dan negara lain Asean. -- lagi

♥29/05/23-31MST

CNS0172
U GB 29-05 00082 RH050
aah
Mahathir - Asean 3 Kuala Lumpur (Embargo)

+Adalah jelas, kerjasama ekonomi mesti diutamakan sekarang dalam Asean dan kerana itu, kita mesti tidak sahaja memperkuatkan rangka kerja ekonomi dalam Asean tetapi juga mewujudkan kerjasama yang lebih luas dengan negara lain yang mempunyai pandangan serupa, yang berkongsi minat dan perhatian bagi menggalakkan kerjasama ekonomi,+ tambahnya.

Katanya Thailand sentiasa terbuka kepada idea dan pendekatan baru dan akan mengkaji dengan serius cadangan Malaysia mengenai EAEG. -- Bernama

♥29/05/23-31MST